

## HUBUNGAN ANTARA TAHAP PENDIDIKAN DAN RANGKA KERJA PENYALURAN PAMPASAN HAYAT DALAM BENTUK WAKAF OLEH PENGENDALI TAKAFUL DI MALAYSIA

*The Relationship Between the Level of Education and the Framework for the Distribution of  
Life Compensation in The Form of Wakaf By Takaful Operators in Malaysia*

**Md Nasri bin Ali<sup>1\*</sup>**  
**Hanizan Shaker Hussain<sup>2</sup>**

<sup>1</sup> Md. Nasri bin Ali, Fakulti Kulliyah Muamalat dan Sains Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)

<sup>2</sup> Hanizan Shaker Hussain, Pensyarah Kanan, Fakulti Kejuruteraan dan Pengkomputeran Quest International University

\*Corresponding Author (Email: mndasriali@gmail.com)

Received: 20 March 2024, Reviewed: 23 March 2024, Published: 31 March 2024

**Abstrak:** Takaful adalah kontrak insurans Islam yang diperkenalkan untuk menggantikan insurans konvensional yang difatwakan haram oleh hampir semua cendekiawan Muslim kerana merangkumi komponen maysir (perjudian), gharar (ketidakpastian) dan riba (riba). Kebolehlaksanaannya dibuktikan setelah banyak Fatwa dikeluarkan oleh Akademi Fiqh dan Ulama menyokongnya. Kajian ini menggunakan Theory of Giving adalah teori psikologi yang bertujuan untuk menjelaskan tujuan paling penting serta strategi pemberian dermawan. Justeru kajian ini dijalankan untuk merumuskan hubungan antara tahap Pendidikan dan rangka kerja penyaluran pampasan hayat dalam bentuk wakaf oleh pengendali takaful di Malaysia. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif, dimana data dikumpul melalui soal selidik yang diedarkan kepada 151 responden dalam kalangan kakitangan empat buah syarikat takaful. Dapatan kajian seterusnya dianalisis menggunakan program Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 25.0. Analisis kolerasi dan analisis regrasi di buat untuk melihat peratusan hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah kajian ini. Hasil kajian mendapati terdapat terdapat perbezaan yang ketara dari segi pelaksanaan rangka kerja penyaluran mengikut tahap pendidikan. Hasil kajian juga mendapati pemboleh ubah rangka kerja penyaluran pampasan adalah 45.6% dipengaruhi oleh pemboleh ubah tahap Pendidikan. Kajian ini turut merumuskan hubungan antara pemboleh ubah seterusnya mencadangkan model cadangan rangka kerja penyaluran pampasan wakaf takaful

**Keywords:** Rangka Kerja, Institusi Takaful Hayat, Wakaf Takaful, Kakitangan Institusi Takaful

**Abstract:** *Takaful is an Islamic insurance contract that was introduced to replace conventional insurance that is forbidden by almost all Muslim scholars because it includes the components of maysir (gambling), gharar (uncertainty), and riba(usury). Its feasibility is proven after many Fatwas issued by the Academy of Fiqh and Ulama supporting it. This study uses the Theory of Giving which is a psychological theory that aims to explain most important purpose and strategy of philanthropic giving. Therefore, this study was conducted to*

*formulate the relationship between the level of education and the framework of distribution of life compensation in the form of waqf by takaful operators in Malaysia. This study uses a quantitative design, where data is collected through a questionnaire distributed to 151 respondents among the staff of four takaful companies. The findings of the study were then analyzed using the Statistical Package for the Social Science (SPSS) program version 25.0. Correlation and regression analysis were made to see the percentage of relationship between the two variables of this study. The results of the study found that there are significant differences in terms of implementation of the channelling framework according to the level of education. The result of study also found that the compensation distribution framework variable was 45.6% influenced by the Education level variable. This study also summarizes the relationship between variables and then proposes a proposed model for the distribution of takaful waqf compensation framework.*

**Keywords:** *Framework, Life Takaful Institution, Waqf Takaful, Takaful Institution Staff*

## **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Industri takaful kini sudah tersebar luas ke seluruh dunia. Industri ini bukan sahaja berdaya maju dan terkenal di Malaysia, malah telah berkembang pesat hingga ke negara anggota Majlis Kerjasama Negara-Negara Arab Teluk (GCC) dan Asia Tenggara seperti Bahrain, Qatar, Arab Saudi dan Indonesia. Selain itu, pertumbuhan industri takaful meningkat di negara bukan Islam terutamanya di barat seperti United Kingdom, Amerika Syarikat dan Kanada. Eldaia et.al (2020), menyatakan Malaysia adalah salah sebuah negara Islam yang sangat agresif mengembangkan industri takaful. Faktor utama pertumbuhan dan perkembangan industri takaful adalah berpunca daripada peluang penawaran alternatif kepada skim insurans konvensional yang patuh syariah. Idea untuk memiliki sistem perlindungan berasaskan syariah tercetus daripada keinginan umat Islam untuk menjalani urusan seharian mengikut ajaran Islam dan mengikut kerangka perundangan Islam. Kemunculan industri takaful ini bertitik-tolak daripada konsep bahawa golongan yang menyertai skim takaful akan membantu pencarum lain, sekiranya ditimpa bahaya dan musibah. Konsep ini secara keseluruhan menarik orang ramai untuk mencarum dalam takaful.

Kepesatan industri takaful tidak mempengaruhi prestasi penyaluran manfaat kematian kepada institusi agama dalam bentuk wakaf. Kebanyakan tahfiz dan pondok kekurangan dana yang kukuh dan tetap (Ishak, 2019). Masyarakat boleh membuat pilihan yang terbaik dan sah dalam kaedah wakaf takaful iaitu mereka haruslah menyertainya melalui syarikat takaful yang berdaftar sahaja. Namun begitu, maklumat mengenai hal ini adalah tidak mencukupi disebabkan oleh promosi yang kurang giat.

Asyraf Wajdi (2016), menyatakan kesedaran semua pihak akan sumbangan wakaf ini amat sederhana sedangkan kebajikan melalui aspek wakaf ini sangat bermanfaat dan menjadi kekuatan kepada umat Islam. Menurut mereka lagi, terdapat isu yang lebih besar iaitu ketiadaan terma wakaf dalam operasi pengendali takaful. Dalam erti kata lain, bukan semua institusi takaful melaksanakan wakaf takaful. Pada masa yang sama, tiada terma wakaf yang jelas bagi produk dalam rangka kerja syarikat. Bukan itu sahaja, terdapat isu berhubung dengan ketidakseragaman rangka kerja penyaluran pampasan hayat kepada institusi agama antara syarikat. Seterusnya istilah wakaf tidak wujud dalam produk berteraskan “hibah”, yang

digunakan oleh hampir semua institusi kerana kedua-duanya merupakan dua aspek istilah yang berbeza. Wakaf takaful hanya wujud dalam aspek penyaluran pampasan hayat.

Menurut Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri (2011), latar belakang pendidikan kakitangan pemain industri mempengaruhi rangka kerja penyaluran manfaat wakaf takaful. Falsafah pendidikan menjadi asas berlangsungnya proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) dalam sesebuah institusi pendidikan. Hal ini juga menjadi kayu ukur bagi hala tuju institusi pendidikan dan industri kewangan negara. Dalam aspek rangka kerja institusi takaful, tahap pendidikan merupakan faktor yang penting dalam memastikan suatu proses kerja dapat dijalankan dengan sempurna. Mereka berdua turut menyatakan, pendidikan diwujudkan untuk membentuk kualiti individu mengikut acuan falsafah pendidikan sesuatu negara dalam kalangan masyarakat. Dalam konteks institusi yang menjalankan wakaf takaful, seseorang wakil takaful yang memohon untuk jawatan sebagai ejen mahupun kakitangan sokongan perlulah memiliki peribadi dan kualiti pendidikan yang boleh membantu syarikat mencapai sasarannya. Kakitangan pentadbiran yang berkhidmat dalam industri terdiri daripada pelbagai latar belakang pendidikan. Persatuan Takaful Malaysia (MTA) menetapkan syarat minimum yang perlu dimiliki oleh seseorang bakal ejen takaful adalah memiliki keputusan 5 kredit dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia, perkara ini boleh dirujuk di web peperiksaan takaful. Kini, keperluan wakil takaful yang berkelayakan semakin meningkat. Kajian ini akan meneliti kaitan antara tahap pendidikan kakitangan institusi dengan rangka kerja penyaluran manfaat dalam kalangan pengendali takaful. Keperluan latar belakang pendidikan dalam kalangan ejen mempergiat usaha memperkukuh rangka kerja dalam kalangan pengendali takaful di Malaysia.

## **SOROTAN KAJIAN**

Rahman & Wan Ahmad (2011) menyatakan, dalam takaful elemen wakaf adalah konsep di mana proses pelaksanaannya termasuk pengendali Takaful menubuhkan tabung wakaf. Tabung wakaf ini ditubuhkan dengan sebahagian daripada modal syarikat diwakafkan kepada individu yang terjejas oleh bencana mengikut piawaian tertentu. Model mudharabah, wakalah, atau hibrid akan digunakan untuk melaburkan dana dalam tabung wakaf ini. Konsep mudharabah meletakkan wang yang diwakafkan dalam pelaburan, dan keuntungan dimasukkan ke dalam tabung khas untuk memenuhi objektif wakaf.

Muhamat et.al (2019) menyatakan dana takaful, merupakan sebuah entiti yang sah di sisi undang-undang, membolehkan pelaburan dan pemilikan harta serta memberi pemilikan kepada orang lain mengikut peraturan tertentu. Tidak ada pihak yang memiliki dana ini. Sesiapa yang ingin mendapatkan perlindungan Takaful boleh menyertai dana dengan mencarum mengikut peraturan sumbangan. Dana wakaf akan mendapat manfaat daripada sebarang sumbangan peserta. Sumbangan yang diberikan dianggap sebagai sumber hak milik wakaf, tetapi ia tidak dianggap sebagai harta wakaf. Oleh itu, dana sumbangan tidak dikehendaki disimpan sebagai wang wakaf. Sumbangan ini akan dilaburkan dalam kepentingan dana, dan kemudian keuntungan akan digunakan untuk membayar pampasan dan tujuan wakaf yang lain.

Menurut Abdullah & Yaacob (2012), model wakaf sepadan dengan idea asas Takaful kerana ia melaksanakan rancangan perlindungan yang berasaskan persaudaraan, rasa bertanggungjawab dan kerjasama antara peserta. Ini disebabkan oleh fakta bahawa dana wakaf, yang diperolehi daripada sumbangan pencarum, digunakan untuk menyediakan bantuan kepada golongan miskin Islam. Oleh kerana dana takaful adalah entiti yang sah di sisi

undang-undang, beliau menganggap model dana wakaf ini sebagai entiti yang sah di sisi undang-undang. Tujuan sumbangan dana ini bukanlah untuk menghasilkan keuntungan; sebaliknya, ia adalah untuk membantu orang lain yang kurang bernasib baik dengan memberikan sumbangan mereka.

Pada mulanya, sistem insurans yang diperkenalkan adalah konvensional. Beberapa ulama mempertikaikan insurans konvensional ini kerana mengandungi unsur-unsur seperti maisir (untung-untungan), gharar (ketidakpastian), dan riba (bunga). Konsep insurans sebenarnya sudah wujud sejak zaman sebelum masihi, apabila manusia melindungi diri mereka daripada pelbagai bahaya, seperti kekurangan makanan. Insurans berasaskan syariah muncul seiring dengan perkembangan pasaran insurans konvensional. Insurans yang berdasarkan sistem Syariah ini menerapkan sistem yang selaras dengan ajaran Islam dan menghapuskan nilai-nilai yang berasaskan elemen konvensional. Kepentingan umum selalu lebih penting daripada kepentingan individu dalam hukum Islam.

Objektif insurans syariah adalah sama dengan objektif insurans konvensional, iaitu untuk mengendalikan dan memberikan perlindungan kepada pelanggan melalui pengumpulan premium yang dibayar oleh pelanggan. Komponen syariat Islam digunakan sebagai asas sistem insurans syariah. Sifat fleksibel hukum Islam dalam bidang muamalah membolehkan umatnya melakukan perubahan dalam bidang perniagaan dan kemasyarakatan, selagi ia tidak bertentangan dengan ajaran Islam.

Kakitangan perniagaan, institusi atau organisasi selalunya memainkan peranan penting untuk perancangan. Ia amat berkaitan dengan keupayaan untuk merancang dan melaksanakan tugas yang diberikan. Pengalaman dan kecekapan pekerja menunjukkan kekuatan mereka. Amat penting dalam mengukur kapasiti untuk mencapai objektif institusi pada tahap pendidikan. Mengikut Carter V. Good (1973), pencapaian sasaran ditakrifkan sebagai penyelesaian atau kecekapan pencapaian dalam kemahiran atau pengetahuan yang diajar di sekolah; ini secara teori berbeza dengan kecerdasan tetapi berkaitan dengannya. Sebagaimana dinyatakan oleh Azman Idris (1994), pencapaian akademik merangkumi apa yang dihasilkan atau diperoleh oleh pelajar semasa mereka mengikuti pelajaran.


Pendidikan yang baik memberi kuasa kepada orang, memberi mereka suara, mendedahkan potensi mereka, menawarkan jalan ke arah penyempurnaan diri, dan membuka mata dan fikiran orang kepada dunia yang luas (Tribus 1992). Kehidupan manusia dipengaruhi secara besar-besaran oleh pendidikan, yang membantu mereka menyediakan diri mereka dengan pelbagai pekerjaan yang tersedia di pasaran. Kajian ini akan mengkaji tahap pendidikan pekerja dalam syarikat yang menyediakan institusi agama dengan manfaat wakaf Takaful.

Tahap pendidikan mempengaruhi cara seseorang bertindak balas terhadap perubahan. Oleh kerana sikap mereka dipengaruhi oleh pengetahuan yang mereka perolehi, pekerja yang berpendidikan lebih bersedia untuk menerima inovasi. Tahap pendidikan adalah komponen terpenting dalam menentukan cara seorang pekerja melaksanakan tanggungjawab mereka. Usman (2011), menyatakan bahawa prestasi seseorang berkorelasi positif dengan tahap pendidikan dan pengalaman kerja mereka. Lestari (2011), menyatakan bahawa mendapatkan pendidikan membolehkan seseorang memperoleh sikap, kebolehan, dan tingkah laku yang betul untuk digunakan pada masa hadapan. Sesungguhnya, pendidikan adalah proses mengubah sikap seseorang atau sekumpulan orang dalam usaha untuk memantapkan manusia melalui pengajaran dan latihan Harsono (2011).

### **Teori Giving**

Menurut Marta Ferro (2022), “theory giving” atau teori pemberian dermawan adalah salah satu strategi pemberian dermawan dan tidak sepatutnya berbeza dengan sebarang rancangan perniagaan yang seharusnya bermula dengan “mengapa”, memberitahu “bagaimana” dan “apa”. Banyak Yayasan terkenal telah menjalankan perniagaan dengan kitaran perancangan tetap, walau bagaimanapun sebilangan individu dan agensi dermawan telah melupakan proses perancangan formal, sebahagiannya semestinya tidak melupakan mengutamakan pelan inidan tidak hanya tertumpu pada cara nilai mendorong sumbangan, berbanding hanya dengan menderma dana tahun demi tahun. Yayasan keluarga dan dermawan akan mendapat manfaat daripada melaksanakan strategi berasaskan nilai yang melangkaui pengiktirafan awam dan kepada pendekatan minda pertumbuhan yang mengubah impak dermawan.

Menurut beliau lagi, untuk membawa perubahan yang bermakna para pelabur institusi ini mesti bekerjasama dengan kerajaan, sektor swasta, media dan entiti dan agensi berpengaruh lain untuk menangani trauma dan isu masyarakat. Kepimpinan, undang-undang, tingkah laku dan sistem mesti dinilai, diperbaharui dan dirombak semula agar sesuai dengan model saksama yang memberi perkhidmatan kepada semua, dengan memberi tumpuan kepada mereka yang paling memerlukan sokongan dan peluang. Seterusnya hasil dari pemberian dermawan yang strategik dan berjaya adalah mengenai mencampurkan otak dan hati bersama-sama untuk mewujudkan asas untuk dibina bagi keluarga bagi mengoptimumkan usaha dan pencapaian dermawan mereka. Dengan mencipta platform strategik yang kukuh dan berhemat, penderma terkaya di dunia dan asas mereka boleh benar-benar memberi impak yang terbaik.



**Rajah 1: Kerangka Konseptual**

### **METODOLOGI**

Dalam konteks kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan kuantitatif yang melibatkan kaedah pengukuran pemboleh ubah kajian dengan menggunakan alatan saintifik dan eksperimen seterusnya ujian statistik digunakan sebagai usaha untuk memberi penerangan serta penjelasan atau mencari hubungan antara pemboleh ubah dalam penyelidikan ini. Dalam kajian ini, untuk memberikan penerangan dan penjelasan tentang kesan latar pendidikan kakitangan pemain industri takaful terhadap rangka kerja penyaluran pampasan hayat dalam bentuk wakaf di Malaysia melalui analisis korelasi dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 25.0. Kajian mengenai wakaf takaful ini dijalankan dengan mengedarkan borang fizikal dan turut menggunakan platform Google Form dengan mengemukakan soal selidik kepada 151 responden yang terdiri daripada kakitangan empat

syarikat takaful. Sebanyak 245 borang telah diedarkan dan 151 borang telah dijawab oleh para responden.

### Dapatan Kajian

Bagi dapatan data kuantitatif kekerapan dan peratusan digunakan dalam menganalisis data kuantitatif berdasarkan maklum balas kepada soal selidik yang diedarkan. Seterusnya statistik deskriptif dijalankan untuk mengenal pasti situasi setiap konstruk pemboleh ubah bebas untuk menentukan faktor. Hubungan antara pemboleh ubah bersandar bebas dan bersandar kemudiannya ditentukan menggunakan Kolerasi Pearson. Kajian ini juga menggunakan Analisis Regrasi untuk melihat kesan faktor.

Hubungan Antara Tahap Pendidikan dan Rangka Kerja Penyaluran Pampasan

**H1:** Terdapat hubungan yang ketara antara tahap Pendidikan dan rangka kerja penyaluran pampasan hayat dalam bentuk wakaf takaful di Malaysia.

**Jadual 1. Kolerasi Jenis Tahap Pendidikan dan Rangka Kerja Penyaluran Manfaat Wakaf.**

Kolerasi		Tahap Pendidikan	Rangka kerja penyaluran
<b>Tahap Pendidikan</b>	Pearson Correlation	1	.478
	Sig. (2-tailed)		.018
	N	151	151
<b>RK_ penyaluran pampasan</b>	Pearson Correlation	.478	1
	Sig. (2-tailed)	.018	
	N	151	151

Keputusan analisis dalam Jadual 1 menunjukkan bahawa perhubungan antara tahap pendidikan dan rangka kerja penyaluran pampasan hayat adalah signifikan kerana nilai  $p$  (0.018),  $p < 0.05$ . Perhubungan antara kedua pemboleh ubah ini adalah agak baik kerana menghampiri 0.5 di mana nilai  $r = .478$ . Berdasarkan pada keputusan analisis ini, menunjukkan terdapat perhubungan yang positif antara tahap pendidikan dan rangka kerja penyaluran manfaat wakaf takaful dan hubungannya agak baik.

**Jadual 2. Ujian Regrasi Untuk Menerangkan % Model Kerangka Konsep**

Model	Variables Entered	Variables Removed	Method
1	Tahap_Pendidikan <sup>b</sup>	.	Enter

a. Dependent Variable:  
RK\_PenyalaruanPampasan

b. All requested variables entered.

Jadual di atas menunjukkan dua pembolehubah, pertama pembolehubah tidak bersandar iaitu tahap pendidikan dan kedua pembolehubah bersandar iaitu rangka kerja penyaluran pampasan.

**Jadual 3. Regrasi Jenis Tahap Pendidikan dan Rangka Kerja Penyaluran Manfaat**

Model Summary					
Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate	
1	.726 <sup>a</sup>	.456	.431	.57737	

a. Predictors: (Constant), Tahap\_Pendidikan

Coefficients <sup>a</sup>						
Model		Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
		B	Std. Error	Beta		
1	(Constant)	2.766	.185		11.383	.000
	Tahap_Pendidikan	.598	.094	.686	12.053	.000

a. Dependent Variable: RK\_PenyaluranPampasan

Pada output di atas (Model Summary), nilai R Square = 0.456. Nilai tersebut dinamakan nilai determinasi, iaitu nilai peratus kontribusi pembolehubah bebas (predators) terhadap pembolehubah bersandar (Dependent variables). Dalam hal ini nilai determinasi = 0.456 = 45.6%, bererti pembolehubah rangka kerja penyaluran pampasan adalah 45.6% dipengaruhi oleh pembolehubah tahap pendidikan.

### ANALISIS DATA

Berdasarkan hipotesis pertama, terdapat pengaruh yang ketara antara tahap pendidikan kakitangan pemain industri terhadap rangka kerja penyaluran pampasan hayat dalam bentuk wakaf oleh pengendali takaful di Malaysia, menandakan hubungan yang positif antara tahap pendidikan dengan pelaksanaan rangka kerja penyaluran wakaf takaful. Sementara itu, cadangan daripada pihak industri untuk menaikkan had minimum kakitangan pemasaran agensi daripada 4 kredit semasa SPM kepada STPM/diploma atau seumpamanya patut disambut baik. Namun begitu, langkah ini perlu dipertimbangkan kerana bakal meningkatkan kadar pengangguran dalam kalangan yang tidak layak. Daripada kajian ini menunjukkan tahap pendidikan memberi kesan yang ketara terhadap pelaksanaan rangka kerja penyaluran. Hal ini kerana seseorang menjalankan rangka kerja yang disusun atur oleh pihak syarikat melalui latihan dan pengetahuan sedia ada. Hal ini menyangkal dapatan kajian Onibala (2017), yang tidak bersetuju tahap pendidikan mempengaruhi prestasi kerja. Berdasarkan analisis data dan pengujian hipotesis, nilai-t ialah -0.462 dengan paras keertian (significance level) 0.646 ( $p > 0.05$ ). Hal ini bermakna  $H_a$  tertolak dan  $H_0$  diterima. Berdasarkan kriteria kajian berhubung dengan tahap pendidikan, faktor tahap pendidikan tidak mempengaruhi prestasi pekerja PT Asuransi Takaful di Batam (Noviyanti dan Sri, 2019).

Kajian ini juga bertepatan dengan kajian M.Bandrun (2021), bertajuk Pengaruh Pendidikan, Kompetensi dan Pengalaman Kerja Terhadap Prestasi Kerja Karyawan. Tiga pembolehubah bebas yang dikaji menunjukkan pengaruh yang signifikan terhadap prestasi

kerja pekerja. Pertama, pendidikan mempunyai kesan yang signifikan terhadap prestasi kerja pekerja. Hasil kajian ini adalah bersesuaian dengan hasil kajian lepas termasuk dari Ferris (1982); Ivancevich dan McMahon (1977); Truxillo et al. (1998); Cote (2006); Hargis et al. (2006); Janssen (2000); Nafukho dan Hinton (2003); Karatape (2006); dan Kahya (2007). Hasil kajian ini mencadangkan pelbagai pengaruh pendidikan terhadap prestasi tugas teras, malah pekerja yang mempunyai pendidikan tinggi juga cenderung menyumbang secara lebih berkesan kepada aktiviti bukan teras di tempat kerja.

### **KESIMPULAN DAN RANCANGAN MASA DEPAN**

Melalui analisis data kepustakaan dan kajian dari data yang dikumpulkan melalui para responden mendapati perlunya penambahbaikan serta semakan semula polisi wakaf takaful supaya segala usaha untuk menjadikan wakaf takaful sebagaimana yang dibincangkan dalam teori *giving* dapat dimanfaatkan secara menyeluruh oleh peserta serta penerima manfaat. Melalui hasil dapatan kajian program memperkenalkan dan memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai manfaat wakaf takaful perlu dipergiatkan disemua peringkat sama ada diperingkat kerajaan, agensi takaful, pekerja takaful, agensi swasta, untuk memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai impak serta manfaatnya yang berterusan melalui penyertaan serta sumbangan wakaf takaful ini untuk semua lapisan masyarakat.

Kesemua sampel yang dikaji adalah terdiri daripada kakitangan pengendali takaful keluarga sahaja, untuk kajian lanjutan dicadangkan ia perlu turut melibatkan pelbagai komposisi masyarakat. Adalah lebih baik pihak berkaitan agama turut dilibatkan. Pengaruh tahap pendidikan dan pengaruh jenis institusi terhadap rangka kerja penyaluran manfaat wakaf takaful serta kesungguhan politik dalam melaksanakan dasar wakaf takaful dalam institusi kewangan Islam seterusnya meningkatkan penyertaan masyarakat dapat dijalankan sebagai salah satu objektif kajian.

Kajian lanjut juga boleh dijalankan menggunakan kaedah-kaedah tertentu atau khusus dalam penyaluran wakaf takaful perlu dilaksanakan. Ini akan dapat membantu penyelidik menilai dan membezakan pengaruh tahap pendidikan dan pengaruh jenis institusi terhadap rangka penyaluran wakaf manfaat. Selain itu dapat membantu mengembangkan lagi teknik penyaluran wakaf manfaat yang boleh disesuaikan dalam konteks wakaf di Malaysia. Penyelidikan kualitatif berkaitan rangka kerja penyaluran yang melibatkan semua syarikat yang melaksanakan wakaf seluruh negara. Kajian juga boleh diperluaskan di negara-negara Islam yang lain.

### **ACKNOWLEDGMENTS**

Semua kertas kerja diambil daripada Semantic Scholar, Google Scholar, Research Gate, Academia, Scopus, Web of Science dan Mycite.

### **REFERENCES**

- Abdullah, A., & Yaacob, H, (2012). Legal and Shariah Issues in the Application of Wakalah-waqf Model in Takaful Industry: An Analysis. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 65, 1040–1045.
- Bernama (2022). Industri Insurans Hayat Catat Peningkatan 5.3 Peratus Kepada RM 1.9 Trilion Pada 2022. <https://www.bernama.com/v2/bm/ekonomi/news.php?id=2181744>.



- Eldaia, M., Hanefah, M. B. M., Marzuki, A. B., & Shatnawi, S. (2020). Takaful in Malaysia: emergence, growth, and prospects. In Handbook of Research on Theory and Practice of Global Islamic Finance. (pp. 681-702). IGI Global.
- Ferro, M. (2022). A Theory of Giving: The 'Why' Behind Philanthropy. Angeles Wealth Management: Los Angeles County Probation Department; Liberty Hill Foundation; California Community Foundation. Philanthropy News Digest.
- Harsono, (2011). Etnografi Pendidikan sebagai Desain Penelitian Kualitatif Harsono-Solo. Surakarta: Universitas Muhammadiyah Surakarta 2011. Ii,41.; bib.;22cm: Solo: Universitas Muhammadiyah Surakarta.
- Ishak, M., Tibek, S. R. H., Ghani, Z. A., Idrus, M. M., Abdullah, H., Nor, A. H. M. & Ismail, H. (2019). Isu dan Cabaran Pendidikan Pondok dari Lensa Pegawai Jabatan dan Majlis. International Journal of Education, Psychology and Counseling. eISSN:0128-164x. www.ijpec.com.
- Kamarul Azmi Jasmi., Ilias, M. F., Tamuri, A. H., & Hamzah, M. I. M. (2011). Amalan Penggunaan bahan bantu mengajar dalam kalangan guru cemerlang Pendidikan Islam sekolah menengah diMalaysia. Journal of Islamic and Arabic Education, 3(1), 59-74.
- Lestari, (2016). Pengaruh Pelayanan Promosi dan Syariah Terhadap Minat Nasabah Dalam Memilih Ansuran Syariah. Tesis UIN Raden Fatah Palembang. <https://eprints.radenfatah.ac.id/id/eprint/746>.
- Muhamat, A. A., Ahmad, S. Z., Roslan, A., Karim, N. A., & Azizan, N. A. (2019). The Readiness of Takaful Operators to Adopt Waqf (Endowment) as Additional Feature in Takaful Policy. Journal of Academia, 7(1), 72–81.
- Noviyanti Rianti Putri dan Sri Langgeng Ratnasari. (2019). Pengaruh Tingkat Pendidikan, Pelatihan dan Perkembangan Karir Terhadap Kinerja Karyawan PT Asuransi Takaful Batam. Jurnal Akuntansi, Ekonomi dan Manajemen Bisnis. Vol 7, No 1, 48-55.
- Onibala, AG. (2017). Analisis Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Produksi Padi di Kelurahan Koya, Kecamatan Tondano Selatan. Agri Sosioekonomi. Jurnal Ilmiah Sosial Ekonomi <https://doi.org/10.35791/agrsosek.13.2A.2017.17015>.
- Rahman, A. A., & Wan Ahmad, W. M. (2011). The concept of Waqf and its application in an Islamic insurance product: The Malaysian experience. Arab Law Quarterly, 25(2), 203–219. <https://doi.org/10.1163/157302511X553994>
- Safar, A. F. M. (2011). Analisis Terhadap Elemen Maqasid Al-Syariah Dalam Produk Takaful Ikhlas Di Malaysia. In Studentsrepo. Um.Edu.My.
- Tribus, M. (1992). Quality First: Selected Paper on Quality and Productivity Improvement. National Society of Profesional Engineers (4th Edition). ASIN.